

PERBANDINGAN PANTANG LARANG KAUM IBAN DAN KAUM MELANAU

Erni Zunatasha ROSLI*¹

Fatin Amirah Huwaida JAKARIYA²

Izyan Khaliesah Empang MOHD. KHIR NASIRRUDDIN³

Natasha Dayang BRAIN⁴

Nik Nur'ain Dalila NIK AZMAN⁵

Nur Iylia Maisarah SYAHARUDY⁶

^{1,2,3,4,5,6} Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

erni.tasha15@gmail.com

amrhwda8@gmail.com

izyankhaliesahempang18@gmail.com

natashadbryan@gmail.com

aindalila27@gmail.com

nuriyliasarah2@gmail.com

Received: 24th February 2023

Accepted: 24th May 2023

ABSTRAK

Pantang larang bermaksud perbuatan yang dilarang untuk dilakukan. Pantang larang ini wujud dalam sesebuah adat dan kepercayaan sesuatu kaum. Dalam konteks masyarakat Iban dan Melanau, pantang larang terbentuk akibat kepercayaan terhadap kekuatan kuasa jahat. Masyarakat Iban dan Melanau percaya bahawa pelanggaran pantang larang akan menyebabkan berlakunya kecelakaan. Namun, terdapat perbezaan pantang larang di antara kedua-dua kaum tersebut terutama dari segi unsur simbol. Objektif pertama kajian ini, ialah mengenal pasti simbol dalam pantang larang masyarakat Iban dan Melanau, kedua menghuraikan perbezaan pantang larang kaum Iban dan Melanau secara umum dan yang terakhir, ialah menganalisis perbezaan unsur simbol dalam pantang larang kaum Iban dan Melanau. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan kaedah penyelidikan lapangan di mana data diperoleh melalui temu bual enam orang informan yang berasal dari Bintangor (berketurunan Iban) dan Mukah (berketurunan Melanau). Hasil analisis kajian ini mendapati unsur simbol seperti tumbuhan, perbuatan, benda, dan haiwan dalam pantang larang kaum Iban dan kaum Melanau. Misalnya Melanau mempunyai simbol tumbuhan midin dan kulat, manakala kaum Iban mempunyai simbol tumbuhan padi, labu dan pokok pisang. Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan perbandingan unsur simbol dan makna dalam pantang larang kaum Iban dan Melanau. Ia bertujuan untuk menjaga tata tertib dalam kehidupan masyarakatnya sekali gus memperingati masyarakatnya untuk sering berhati-hati dan menjauhkan diri daripada sebarang bahaya yang akan mendatang.

Kata kunci: kaum Iban; kaum Melanau; kepercayaan; pantang larang; simbol

COMPARISON OF TABOOS OF THE IBAN AND MELANAU PEOPLE

ABSTRACT

Taboo means an act that is forbidden to commit. This taboo exists in a custom and belief of a race. In the context of the Iban and Melanau communities, taboos were formed as a result of belief in the forces of evil forces. The Iban and Melanau communities believe that a violation of the taboo will cause an accident. However, there is a taboo difference between the two races especially in terms of symbol elements. The first objective of this study, is to identify symbols in the taboos of the Iban and Melanau communities, the second describes the difference in the taboos of the Ibans and Melanau in general and the last, is to analyze the differences of the symbolic elements in the taboos of the Ibans and Melanau. This study used library studies and field research methods where data was obtained through interviews of six informants from Bintangor (Iban descent) and Mukah (of Melanau descent). The results of this analysis found that symbolic elements such as plants, deeds, objects, and animals in the taboos of the Ibans and Melanau people. For example, Melanau has the symbol of midin and fungal plants, while the Ibans have the symbol of rice, pumpkin and banana trees. Overall, this study discusses the comparison of symbol elements and meanings in the taboos of the Ibans and Melanau. It aims to maintain discipline in the life of its community thus commemorating its community to be vigilant and stay away from any future dangers .

Keywords: Iban people; Melanau people; believe; taboos; symbols

Pengenalan

Pantang larang telah digunakan sebagai alat untuk menegur dan menasihati seseorang tanpa menggunakan bahasa yang kasar (Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa pantang larang yang wujud dalam adat telah digunakan sebagai garis panduan bagi membentuk seseorang tanpa melanggar adat yang telah ditetapkan. Pantang larang merupakan sesuatu yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan. Misalnya, masyarakat desa yang menghuni kawasan yang berhutan rimba sudah tentu menempuhi pelbagai cabaran dalam usaha melestarikan kehidupan, contohnya dalam mencari sumber rezeki dan sebagainya. Justeru itu, timbul pelbagai pantang larang untuk mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku.

Di Sarawak, terdapat beberapa kaum seperti kaum Iban, Melanau, Kenyah, Melayu Sarawak dan banyak lagi. Namun demikian, penulis memilih untuk mengkaji kaum Iban dan kaum Melanau. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat perbezaan antara pantang larang kaum Iban dengan kaum Melanau. Setiap kaum masing-masing mempunyai budaya yang tersendiri. Kewujudan pantang larang ini bermula daripada adat dan kepercayaan sesebuah kaum. Masyarakat kaum Iban dan Melanau sememangnya tidak asing lagi dengan bentuk perkataan dan unsur pantang larang (Kiyai & Tugang, 2020). Buktinya, dapat dilihat dari sudut adat dan cara hidup yang berkait rapat dengan peraturan dan hal-hal yang tidak boleh dilakukan dalam kalangan masyarakat kaum mereka. Dalam konteks masyarakat Iban dan Melanau terdapat banyak peraturan yang perlu dipatuhi yang tercipta dari kepercayaan orang terdahulu yang mempercayai keburukan (sebab dan akibat) dari sesuatu perkara yang tidak boleh dilakukan. Pantang larang kaum Iban dan Melanau terbentuk akibat kepercayaan terhadap kekuatan kuasa jahat. Sekiranya pantang larang tersebut dilanggar, individu tersebut akan menerima kecelakaan dan akibat yang buruk.

Pengingkaran terhadap pantang larang boleh menyebabkan orang yang berkenaan ditimpa malapetaka atau terkena penyakit yang sukar sembuh (Salmah Omar & Mohan Rathakrishnan, 2016). Selain itu, pantang larang yang diamalkan dalam segala kegiatan dan peringkat kehidupan seseorang itu juga bertujuan untuk mengelak termakan sumpah atau terkena makhluk halus. Oleh itu, pantang larang yang berasaskan keturunan, penyakit dan peringkat hidup mestilah dipatuhi. Pantang larang itu

bukanlah penghalang tetapi untuk melahirkan sebuah masyarakat yang menerapkan nilai-nilai baik dalam kehidupan seharian (Mohammad Husri Morni et al., 2021). Pantang larang yang diwujudkan juga berfungsi sebagai alat kawalan sosial tidak formal. Hal ini demikian kerana pelanggaran terhadap pantang larang yang ditetapkan dianggap sebagai tidak mengendahkan pesanan orang tua-tua dan dianggap tidak menghormati mereka. Perkara ini secara tidak langsung mendorong kepada pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Justeru, setiap pantang larang yang berasaskan keturunan, penyakit dan peringkat hidup mestilah dipatuhi. Pantang larang dicipta oleh orang tua-tua atas tujuan untuk mendidik masyarakat agar menerapkan nilai baik dalam kehidupan. Unsur pengajaran telah diterapkan secara tersurat dan tersirat dalam pantang larang masyarakat kaum Iban dan Melanau. Kini, pantang larang kaum Iban dan Melanau masih diamalkan walaupun ianya semakin terhakis di telan arus kemodenan. Masyarakat zaman dahulu selalu mengingatkan anak cucu mereka agar sentiasa mematuhi pantang larang.

Permasalahan Kajian

Mutakhir ini, penyelidikan yang berkaitan dengan pantang larang kaum masyarakat Melanau telah giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji semasa. Misalnya, dalam kajian yang dilakukan oleh Hamidah Abdul Wahab (2013) hanya membincangkan unsur-unsur petua dan pantang larang tradisional Melayu Sarawak yang lebih berfokus kepada perubatan, wanita dan kecantikan, pengantin, mengandung dan bayi, keselamatan diri, dan bercucuk tanam. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohammad Husri Morni et. al, (2021), membincangkan pantang larang lelaki kaum Melanau. Begitu juga penyelidikan yang dijalankan oleh Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman (2020) yang mengkaji makna simbol ritual “serarang” dalam masyarakat Melanau.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji pantang larang kaum Iban dan Kaum Melanau dari aspek alam semula jadi, seperti tumbuhan dan haiwan. Malah, kajian ini turut menghuraikan pantang larang kaum Iban dan Melanau dari aspek benda dan perbuatan. Pentingnya kajian ini disebabkan sebelum ini, kajian-kajian lepas tidak menyentuh aspek alam semula jadi. Pengkaji merasakan kajian mengenai alam semula jadi ini memberi kepentingan serta pengetahuan baharu kepada generasi muda. Hal ini demikian kerana sebagai pengkaji bahasa, tumbuhan dan haiwan yang ada di sekeliling bukan sekadar dikenali sebagai elemen tumbuhan dan haiwan sahaja. Malah, elemen ini memberikan ilmu tambahan serta kebaikan kepada masyarakat. Contohnya, sesebuah pokok tidak boleh dipetik atau ditebang dengan sesuka hati disebabkan ada kebaikan di sebaliknya, seperti digunakan sebagai penyembuh sesuatu penyakit.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang pantang larang dari aspek tumbuhan, haiwan, benda dan perbuatan ini boleh memberi kesedaran kepada generasi muda supaya peka terhadap alam sekeliling atau situasi. Sekiranya kajian ini tidak diteruskan, maka generasi muda tidak tahu fungsi wujudnya tumbuhan dan haiwan yang berada di sekeliling kita.

Kajian Lepas

Mohd Shahril Shaari (2012) telah menjalankan kajian sarjana yang bertajuk “Simbolisme Dan Kritikan Sosial Yang Terdapat Di Dalam Novel Seluang Menolak Baung Karya Shahnnon Ahmad Bagi Menterjemah Pemikiran Pengarangnya.” Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti sejauh mana aspek simbolisme dan kritikan sosial dapat meningkatkan kefahaman pembaca tentang sesebuah genre novel. Komponen yang paling dominan yang cuba ditampilkan oleh pengarang dalam karya tersebut ialah aspek simbol. Teori semiotik dengan gabungan pendekatan sosiologi telah digunakan bagi menjalankan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa minat audiens dan pemikiran kritis dan kreatif dapat dipupuk melalui penggunaan simbolisme dan kritikan sosial dalam novel. Hasil kajian ini juga telah membolehkan pengetahuan pembaca berkembang apabila penggunaan simbol-simbol yang menggambarkan sesuatu

perkara dan kritikan sosial terhadap masyarakat digambarkan dalam novel ini diberi penekanan. Kajiannya berkaitan simbol melalui teori Semiotik boleh menjadi panduan dalam penulisan ini.

Manakala Hamidah Abdul Wahab (2013) dalam kajiannya “Petua Dan Pantang Larang Tradisional Dalam Alam Melayu Sarawak” dalam *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* menjelaskan bahawa petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak mempunyai perkaitan rapat dengan unsur-unsur animisme, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam. Petua dan pantang larang yang dikumpulkan merangkumi aspek perubatan, hal berkeluarga, keselamatan diri, masakan dan makanan, pertanian, bertemu binatang bahaya, kebersihan, kecantikan dan petua serta pantang larang lain yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut berkaitan dengan signifikan amalan petua serta pantang larang tradisional ini pada zaman sekarang. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat amalan petua dan pantang larang yang kuat dalam Masyarakat Melayu di Sarawak.

Kajian berkaitan dengan pantang larang juga telah dilakukan oleh Ani Omar (2014), melalui kajiannya yang bertajuk “Pantang Larang Dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis Dari Perspektif Teori SPB4K” dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Kajian beliau telah mengupas pantang larang masyarakat Melayu sama ada ia masih relevan untuk digunakan atau tidak pada zaman kini. Walaupun kian terhakis ditelan zaman namun pantang larang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun bilangannya sedikit. Kajian tersebut lebih memfokuskan pantang larang masyarakat Melayu berpandukan aspek pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Pengkaji telah meneliti dua aspek pantang larang yang berkaitan dengan isu kekeluargaan, sosial dan moral seperti dalam isu kekeluargaan melibatkan golongan isteri, ibu yang hamil, suami dan bapa.

Di samping itu, terdapat juga kajian pantang larang yang dijalankan oleh Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2020). Kajian yang dijalankan bertajuk “Keindahan Simbol Dan Makna Dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu”. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti simbol dalam pantang larang masyarakat Melayu dan menghuraikan bagaimana pantang larang tersebut mempunyai makna tersendiri dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Kajian ini memanfaatkan Teori Semiotik Pierce dalam mengkaji simbol yang terdapat dalam pantang larang tersebut. Hasil kajian tersebut telah mengetengahkan jenis pantang larang berkaitan dengan ibu mengandung dan pantang larang berkaitan dengan simbol seperti tumbuhan, haiwan, benda dan perbuatan. Pantang larang berkaitan pemakanan pula mengetengahkan simbol perbuatan, benda dan makanan.

Adel Via & Erni (2021) turut menjalankan kajian mengenai pantang larang. Kajiannya bertajuk “Makna dan fungsi pantang larang masyarakat Melayu Peranap di Kecamatan Peranap Kabupaten Indragiri Hulu”. Pengkaji menyatakan bahawa pantang larang merupakan kepercayaan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu yang berkaitan dengan adat atau istiadat dan budaya warisan nenek moyang. Pantang larang kebanyakannya adalah secara turun temurun kepada generasi sekarang secara lisan. Kajian ini meneliti jenis, makna dan fungsi pantang larang masyarakat Melayu Peranap di Kecamatan Peranap Kabupaten Indragiri Hulu, iaitu berdasarkan pantang larang sewaktu lahir, pantang larang sewaktu bayi dan kanak-kanak, mengenai tubuh badan manusia dan ubat-ubatan, rumah dan pekerjaan, perjalanan dan perhubungan, percintaan dan perkahwinan, kematian dan adat pengebumian. Kajian tersebut mengklasifikasikan pantang larang dengan makna denotatif, konotatif, dan fungsi yang terkandung dalam pantang larang di Kecamatan Peranap Kabupaten Indragiri Hulu.

Salmah Omar & Mohan Ratharishan (2016) dalam kajiannya yang bertajuk “Pantang Larang Makanan Masyarakat Melanau Sarawak” dijalankan adalah untuk mengetengahkan pantang larang makanan masyarakat Melanau di Sarawak. Kajian ini hanya memberi fokus kepada pantang larang makanan. Pantang larang makanan dibahagikan kepada dua, iaitu pantang larang tetap dan pantang larang sementara. Pantang larang makanan merupakan satu aspek budaya yang mempunyai nilai-nilai kesihatan. Pantang larang ini diwarisi dan masih diikuti oleh masyarakat Melanau sehingga ke hari ini.

Hasil kajian tersebut mendapati bahawa pantang larang makanan yang dipatuhi dalam amalan pemakanan merupakan aspek penting yang mengawal diri dan tindak tanduk masyarakat Melanau di Sarawak.

Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman (2020) telah menjalankan kajian terhadap “Makna Simbol Ritual “Serarang” Dalam Masyarakat Melanau Likow Di Dalat, Sarawak. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti simbol-simbol yang digunakan dalam pelaksanaan ritual Serarang di samping untuk mengenal pasti makna simbol dalam ritual tersebut. Hasil kajian mendapati ritual *Serarang* yang dijalankan adalah untuk pernyataan rasa syukur dan tanda terima kasih atas limpahan rezeki yang telah diberikan oleh *ipok* pada tempoh sepanjang tahun. Kajian lapangan mendapati bahawa simbol-simbol yang digunakan dalam ritual Serarang membawa makna yang tersendiri, iaitu simbol mempunyai makna yang tertentu berdasarkan kehendak, pengertian dan pemahaman masyarakat.

Mohammad Husri Morni, Norazlina Mohd Kiram & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2021) melakukan kajian bertajuk “Pantang Larang Kaum Lelaki Melanau, Sarawak dan Kesan Ketidakpatuhan”. Kajian tersebut dijalankan bagi menghuraikan bentuk pantang larang yang menjadi pegangan kaum lelaki Melanau di Sarawak dan kesannya sekiranya pantang larang tersebut tidak dipatuhi. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Yaasir Abd Rahman (1987) yang menumpukan pantang larang kepada tiga kategori iaitu kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian.

Kajian Ernie Zahdina Md Seruddin (2019) yang bertajuk “Pantang Larang Suku Kedayan Di Brunei: Analisis Berdasarkan Teori Pragmatik dan Etnografi Pertuturan. Kajian tersebut mengkaji dan menganalisis pantang larang yang diamalkan semasa proses hamil dan bersalin. Masyarakat Kedayan mengamalkan pelbagai pantang larang, menggunakan mantera, dukun dan sebagainya. Kajian yang dijalankan menggunakan kerangka teoretikal, iaitu Rangka Rujuk Silang dalam teori Relevan bagi memahami makna implisit yang terdapat dalam setiap ujaran sesuatu pantang larang. Pendengar dari suku Kedayan berupaya untuk memahami makna tersirat dengan membina andaian-andaian yang berkaitan atau merujuk kepada maklumat ensiklopedia yang dimiliki oleh masyarakat Kedayan.

Berdasarkan kajian literatur tentang pantang larang, didapati larangan-larangan diberikan kepada masyarakat sebenarnya lebih kepada alat untuk mendidik agar sentiasa menjaga tingkah laku supaya tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Selain itu, pantang larang yang dibuat adalah untuk membentuk institusi masyarakat yang sopan dan menjaga tatasusila. Kajian tentang simbol dan makna dalam pantang larang ditampilkan dalam kajian ini bagi melihat bagaimana simbol yang terdapat dalam pantang larang dapat memberi makna tersurat dan tersirat berdasarkan masyarakat pengamalinya pada masa dahulu dan kini.

Metodologi Kajian

Bahagian ini membincangkan metodologi atau kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data di lapangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan beberapa kaedah pengumpulan data. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif.

Pengkaji telah melakukan proses kaedah kajian lapangan untuk mendapatkan data primer yang autentik, iaitu menerusi kaedah temu bual. Pengkaji telah melawat kawasan lapangan pilihan, iaitu Mukah dan Bintangor, Sarawak untuk sesi temu bual. Informan yang ditemu bual di Mukah ialah lelaki berumur 53 tahun yang merupakan pekerja Muzium Sapan Puloh Mukah, dan seorang lelaki dan seorang perempuan penduduk Kampung Telian Laut yang berumur 58 tahun dan 45 tahun. Informan yang ditemu bual di Bintangor pula ialah tiga orang warga tua yang berasal dari Rumah Bala, Sungai Emperan, Bintangor. Informan-informan tersebut ialah lelaki berumur 69 tahun dan perempuan berumur 68 tahun dan 65 tahun. Informan-informan dipilih adalah dalam kalangan golongan tua kerana mereka lebih arif tentang adat dan pantang larang berbanding golongan muda. Tambahan pula, informan-informan berkenaan masih tinggal dalam kelompok tradisional, di mana masyarakatnya masih mengekalkan budaya tradisional serta memandang serius perihal pantang larang. Semasa sesi temu bual, pengkaji menggunakan teknik rakaman untuk mendapatkan data yang sah.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian dengan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data sekunder. Pengkaji merujuk buku dan sumber internet bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian lepas berkaitan pantang larang kaum Melanau dan Iban. Selain itu, pengkaji banyak merujuk sumber internet untuk mendapatkan data sokongan tentang adat dan pantang larang kaum Melanau dan kaum Iban. Pengkaji mengumpul maklumat melalui pembacaan dan rujukan daripada beberapa artikel yang berkaitan dengan pantang larang kaum Melanau dan Iban. Rujukan ini dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih banyak.

Analisis Dapatan Dan Perbincangan

Hasil Dapatan Temu Bual

Jeniri Amir (1998) menjelaskan bahawa pantang larang bukanlah berfungsi sebagai penghalang tetapi lebih kepada tujuan untuk melahirkan manusia yang sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa pantang larang yang sengaja dicipta bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Penciptaan pantang larang ini adalah untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Terdapat beberapa simbol yang telah dikenal pasti oleh penulis yang digunakan dalam pantang larang Melanau dan pantang larang Iban. Antaranya ialah simbol tumbuhan, simbol perbuatan, simbol benda dan simbol haiwan.

a) Simbol tumbuhan

Jadual 1: Pantang Larang Kaum Melanau dan Kaum Iban Bagi Simbol Tumbuhan

Pantang larang kaum Melanau	Simbol	Pantang larang kaum Iban
<ul style="list-style-type: none"> Apabila berlaku kematian, ahli keluarga si mati tidak boleh makan sayur '<i>sejuk</i>' seperti sayur midin dan kulat kerana takut si mati kesejukan. Masyarakat kaum Melanau tidak boleh makan midin gila 	Tumbuhan	<ul style="list-style-type: none"> Apabila bertanam padi, dilarang menanam labu di sawah padi kerana dipercayai akan ada ahli keluarga tuan empunya sawah padi akan mati pada tahun itu. Ibu yang mengandung dilarang menanam pokok pisang kerana dikhuatiri anak menjadi buta.

kerana dipercayai akan menjadi gila atau dirasuk <i>taw bayoh</i> .		
---	--	--

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan pantang larang kaum Melanau dan kaum Iban yang berkaitan dengan unsur tumbuhan. Misalnya, pantang larang kaum Melanau lebih kepada tumbuhan seperti sayur *midin*, manakala pantang larang kaum Iban boleh terdiri daripada buah-buahan, sayur-sayuran, pokok, dan sebagainya.

b) Simbol perbuatan

Jadual 2: Pantang Larang Kaum Melanau Dan Kaum Iban Bagi Simbol Perbuatan

Pantang larang kaum Melanau	Simbol	Pantang larang kaum Iban
<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya berlaku kematian, dilarang makan linut kerana dikhuatiri roh si mati akan panas dan melecur. • Ahli keluarga si mati dilarang tidur terlentang kerana dikhuatiri dirasuk oleh <i>duhi</i> (roh jahat). 	Perbuatan	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu mengandung dilarang menuang minyak kerana akan menyebabkan anak menderita radang di telinga. • Suami isteri dilarang memecahkan telur kerana dipercayai anak akan menjadi buta.

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan pantang larang kaum Melanau dan kaum Iban yang berkaitan dengan unsur perbuatan. Contohnya, pantang larang kaum Melanau lebih kepada simbol perbuatan yang berkaitan dengan kematian, manakala pantang larang kaum Iban lebih kepada simbol perbuatan yang berkaitan dengan ibu mengandung, pasangan suami isteri, dan berkaitan dengan rumah.

Simbol benda

Jadual 3: Pantang Larang Kaum Melanau Dan Kaum Iban Bagi Simbol Benda

Pantang larang kaum Melanau	Simbol	Pantang larang kaum Iban
<ul style="list-style-type: none"> • Apabila berlaku kematian, tikar rumbia mesti diletakkan di pintu rumah supaya <i>duhi</i> tidak masuk ke dalam badan mayat, kerana dipercayai si <i>duhi</i> akan sibuk menghitung lubang di tikar rumbia hingga terbit matahari. • Si balu mesti menutup kepala dengan selendang apabila si suami meninggal dunia kerana dikhuatiri dirasuk si <i>duhi</i>. 	Benda	<ul style="list-style-type: none"> • Suami isteri dihalang membaiki hulu parang kerana akan menyebabkan anak yang lahir akan cacat pendengaran. • Ibu mengandung dilarang membawa sebarang batu kerana dipercayai anak yang lahir akan menjadi kurang upaya.

Jadual di atas jelas menunjukkan perbezaan antara pantang larang kaum Melanau dengan kaum Iban yang berkaitan dengan simbol benda. Hal ini dikatakan demikian kerana, pantang larang kaum Melanau lebih kepada benda yang berkaitan dengan kematian, manakala pantang larang kaum Iban lebih kepada benda yang berkaitan dengan ibu mengandung dan kaum Iban itu sendiri.

c) Simbol haiwan

Jadual 4: Pantang Larang Kaum Melanau Dan Kaum Iban Bagi Simbol Haiwan

Pantang larang kaum Melanau	Simbol	Pantang larang kaum Iban
<ul style="list-style-type: none"> Si suami dilarang mencederakan ular semasa si isteri mengandung kerana dipercayai anak akan menjadi ular. Sekiranya terdengar bunyi burung hantu atau burung butbut, jangan keluar rumah kerana dibimbangi akan ditimpa musibah. 	Haiwan	<ul style="list-style-type: none"> Kaum Iban dilarang makan buaya kerana buaya dipercayai asalnya adalah manusia. Penenun <i>pua kumbu</i> tidak dibenarkan menenun motif ular dengan sewenang-wenangnya kerana ular dipercayai membawa nasib buruk dan sering dikaitkan dengan hantu.

Berdasarkan jadual di atas, terdapat perbezaan pantang larang kaum Melanau dan kaum Iban yang berkaitan dengan simbol haiwan. Pantang larang kaum Melanau lebih kepada pantang larang terhadap haiwan seperti burung dan ular, manakala pantang larang kaum Iban yang berkaitan dengan simbol haiwan menunjukkan pantang larang kepada semua jenis haiwan.

Analisis Unsur Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Kaum Melanau

Pantang larang dalam bahasa Melanau ialah *palei*. Berdasarkan data yang diperoleh, pantang larang Melanau merangkumi simbol dan makna tersendiri. Dalam bahagian ini, akan dijelaskan secara terperinci makna pantang larang tersebut mengikut unsur simbol yang dikenal pasti hasil daripada temu bual bersama informan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pantang larang ada terselitnya makna tersirat dan tujuan bagi menjamin kesejahteraan manusia itu sendiri tanpa kita sedari.

Jadual 5: Analisis Pantang Larang Kaum Melanau Bagi Symbol Tumbuhan, Perbuatan, Benda Dan Haiwan.

Jenis simbol	Pantang larang	Simbol	Makna
Tumbuhan	Masyarakat kaum Melanau tidak boleh makan midin gila kerana dipercayai akan menjadi gila atau dirasuk <i>taw bayoh</i> .	Midin gila	Istilah midin gila dalam Melanau ialah midin yang berbentuk kurus dan tidak berdaun. Midin jenis ini dilarang untuk dimakan kerana rasanya yang pahit dan tidak sedap. Oleh itu, midin jenis ini diistilahkan sebagai midin gila kerana dikatakan hanya orang yang tidak waras yang ingin makan midin jenis ini. Ianya bertujuan untuk menghalang kita untuk tidak mengambil tumbuhan midin yang berbentuk kurus dan tidak berdaun sebagai makanan kerana rasanya yang tidak sedap dan tidak boleh dimakan.
Perbuatan	Sekiranya berlaku kematian, dilarang makan linut kerana dikhuatiri roh si mati akan panas dan melecur.	Makan linut	Linut terkenal sebagai makanan yang dihidangkan semasa keramaian atau <i>berambeh</i> . Oleh itu, hidangan linut membawa simbol kemeriahan. Maka hidangan linut tidak sesuai untuk disajikan semasa majlis tahlil kerana ahli keluarga masih berduka atas pemergian si mati.

Benda	Apabila berlaku kematian, tikar rumbia mesti diletakkan di pintu rumah supaya <i>duhi</i> tidak masuk ke dalam badan mayat, kerana dipercayai si <i>duhi</i> akan sibuk menghitung lubang di tikar rumbia hingga terbit matahari.	Tikar rumbia	Perbuatan meletakkan tikar rumbia di depan rumah adalah bertujuan untuk menggalakkan isi rumah untuk membersihkan ruang tamu serta tikar rumbia yang telah lama dipakai. Kesannya, kebersihan rumah boleh terjamin sekali gus menjamin kesejahteraan ahli keluarga serta kenalan yang <i>peligin</i> .
Haiwan	Si suami dilarang mencederakan ular semasa si isteri mengandung kerana dipercayai anak akan menjadi ular.	Ular	Ada sesetengah kaum Melanau menjadikan ular sebagai makanan, namun adalah dilarang dalam agama Islam kerana merupakan salah satu binatang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa. Oleh itu, pantang larang ini bertujuan menjaga adab dengan haiwan serta menjaga keselamatan si suami dan juga isteri yang tengah mengandung.

Analisis Unsur Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Kaum Iban

Kaum Iban dikenali sebagai salah satu daripada kaum yang memiliki banyak pantang larang. Setiap pantang larang yang terdapat dalam masyarakat kaum Iban seperti yang diperoleh dalam sesi temu bual bersama informan, mempunyai simbol serta maknanya yang tersendiri. Pada bahagian ini, makna daripada setiap simbol yang telah dikeluarkan oleh pengkaji akan dijelaskan dengan lebih terperinci. Makna tersirat dan tersembunyi di balik pantang larang ini juga akan dikupas dengan lebih lanjut.

Jadual 6: Analisis Pantang Larang Kaum Iban Bagi Simbol Tumbuhan, Perbuatan, Benda dan Haiwan

Jenis simbol	Pantang larang	Simbol	Makna
Tumbuhan	Apabila bertanam padi , dilarang menanam labu di sawah padi kerana dipercayai akan ada ahli keluarga tuan empunya sawah akan mati pada tahun itu.	Labu dan padi	Dalam pantang larang ini dapat kita lihat bahawa tumbuhan yang menjadi pantang larang utamanya ialah labu. Labu ini dipercayai akan membawa mudarat kepada tanaman padi sekiranya ditanam di tempat yang sama. Hal ini disebabkan sifat tanaman labu yang menjalar dan akan mengganggu padi-padi yang ditanam di kawasan yang sama menyebabkan padi susah untuk hidup dengan subur. Maka wujudlah pantang larang ini yang bukan sahaja dapat menakutkan masyarakat, malah pembaziran juga dapat dielakkan.
Perbuatan	Kaum Iban dilarang makan menggunakan tudung periuk kerana dipercayai misai akan tumbuh dengan lebat.	Makan dengan menggunakan tudung periuk	Apabila seseorang itu makan menggunakan tudung periuk maka makanan yang tidak habis di makan yang masih ada di dalam periuk tidak akan dapat ditutup melainkan

			tudung tersebut dibasuh terlebih dahulu. Hal ini sudah jelas dan tentunya akan membuang masa orang yang berkemas di bahagian dapur dan menambahkan kerja mereka sehingga terpaksa menunda pekerjaan yang lain.
Benda	Suami isteri dihalang membaiki hulu parang kerana akan menyebabkan anak yang lahir akan cacat pendengaran	Hulu parang	Parang merupakan sesuatu benda yang tajam dan sangat berbahaya sekiranya salah dikendalikan. Maka, pantang larang ini dibuat untuk mengelakkan terutamanya ibu yang mengandung untuk tidak memegang parang di sepanjang tempoh kehamilannya.
Haiwan	Tidak boleh menenun motif ular dengan sewenang-wenangnya pada pua kumbu kerana ular membawa petanda buruk dan dikaitkan dengan kuasa jahat ataupun hantu	Ular	Menurut kepercayaan masyarakat Iban, ular ini merupakan jelmaan hantu yang boleh membawa kepada petanda-petanda yang buruk. Bukan sahaja masyarakat Iban, masyarakat Melayu Islam juga mempercayai terdapat ular yang merupakan jelmaan jin dan boleh membawa mudarat kepada masyarakat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, walaupun kedua-dua kaum, iaitu Melanau dan Iban menggunakan unsur simbol dan jenis-jenis simbol dalam pantang larang, namun demikian mereka menggunakan elemen dalam simbol yang berbeza. Keempat-empat jenis simbol, iaitu tumbuhan, perbuatan, benda dan haiwan, dapat dilihat bahawa setiap unsur simbol yang digunakan dalam pantang larang kaum Melanau dan Iban membawa makna yang mengajar masyarakatnya untuk menjaga tingkah laku. Pantang larang bagi kaum Melanau lebih menjurus kepada adat kematian dan mistik manakala masyarakat Iban menjurus kepada keselamatan dan kesihatan ahli keluarga terutamanya ibu mengandung. Penggunaan unsur simbol dalam pantang larang juga bukan dipetik sesuka hati tetapi mempunyai sentimen kepercayaan dalam kalangan masyarakat, misalnya masyarakat Iban yang percaya bahawa ular merupakan jelmaan hantu. Pantang larang bagi kedua-dua kaum tersebut sekali gus mampu memberi peringatan kepada masyarakatnya agar sering berhati-hati dalam segala perkara yang mereka lakukan. Bukan itu sahaja, pantang larang dalam kaum Iban dan Melanau diangkat menjadi bentuk nasihat dan teladan kepada masyarakatnya untuk sentiasa berwaspada agar dapat menjauhkan diri daripada sebarang bahaya yang akan mendatang. Oleh itu, jelaslah bahawa pantang larang dalam sesebuah kaum adalah penting kerana ia mampu memperingatkan masyarakatnya untuk sentiasa menjaga adat, keselamatan dan kesihatan mereka.

Rujukan

- Adel Via, & Erni, E. (2021). Makna dan fungsi pantang larang masyarakat Melayu Peranap di Kecamatan Peranap Kabupaten Indragiri Hulu. *J-LELC: Journal of language Education, Linguistics, and Culture*, 1(3), 1-6. <https://doi.org/10.25299/j-lelc.v1i3.8079>
- Ani Omar. (2014) Pantang larang dalam kalangan orang Melayu: Analisis dari perspektif teori SPB4K. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 76-97.
- Ernie Zahdina Md Seruddin. (2019). Pantang larang suku Kedayan di Brunei: Analisis berdasarkan teori pragmatik dan etnografi pertuturan. *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 3(1), 211-232
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). Petua dan pantang larang tradisional dalam alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilization*. 1(1), 89-97.
- Jeniri Amir. (1988). Asal usul Melayu Sarawak: Menjejaki titik tak pasti. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(1), 1-17.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59-71.
- Mohammad Husri Morni, Norazlina Mohd Kiram & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2021). Pantang Larang Kaum Lelaki Melanau, Sarawak dan Kesan Ketidapatuhan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 45-58.
- Mohd Shahril Shaari. (2012). Symbolisme dan kritikan sosial yang terdapat di dalam novel Seluang Menolak Baung Karya Shahnnon Ahmad bagi menterjemahkan pemikiran pengarangnya. (Disertasi Sarjana Pendidikan). Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman. (2020). Ritual serarang: Analisis hidangan makanan sebagai simbol komunikasi bukan masyarakat Melanau Likow di Dalat, Sarawak. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 8(1), 118-132.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2020). Keindahan simbol dan makna dalam pantang larang masyarakat Melayu. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(12), 01-12.
- Salmah Omar & Mohan Ratharishan. (2016) *Pantang larang makanan masyarakat Melanau Sarawak*. In: International Conference on Social Sciences and Humanities (PASAK 2016), 20 & 21 April 2016, KUIS Convention Center, International Islamic University College Selangor (KUIS). (Unpublished)